



Menarik di dalam

Aidilfitri Klang 1875

Police Rifle Range Klang



Langkah Sulung ke Arah Pengiktirafan Dunia

Warta Warisan MPK diterbitkan oleh:
Pusat Sumber / E-Library MPK,
Bangunan Pejabat Cawangan MPK,
Jalan Tengku Kelana, 41200 Klang.
Kurator: +603 33758088
Pusat Sumber: +603 33758006

Sidang Redaksi

Penaung

YBrs. Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad
Tajuddin

Penasihat

Norfiza binti Mahfiz

Pengarang / Editor / Penyelidik

Faisal bin Dato' Haji Surani

Reka Bentuk Grafik & Kreatif

Mazlan bin Yahya
Mohd Shahril bin Sanip

Klang, 7 April 2021 – Dalam usaha untuk menjadikan bandar Klang sebagai Bandaraya Diraja Melayu pertama dan mendapatkan pengiktirafan UNESCO sebagai Bandar Warisan Diraja Melayu di peringkat dunia, satu lawatan tapak bagi mengenal pasti lokasi bersesuaian telah diadakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa MPK bersama Jabatan Warisan Negara baru-baru ini.

Lawatan dan tinjauan tersebut diketuai bersama oleh Kurator MPK, Faisal bin Surani manakala Jabatan Warisan Negara diwakili oleh Pengarah Bahagian Warisan Dunia, Mohd Syahrin bin Abdullah.

Tujuan lawatan adalah bagi menetapkan kriteria utama pengiktirafan iaitu Bandar Timah atau Bandar Diraja berdasarkan impak visual sedia ada dan menetapkan sempadan kawasan berkenaan. Hasil visual impak sedia ada jelas menunjukkan identiti bandar Klang adalah lebih menjurus kepada Bandar Diraja berbanding Bandar Timah.

Kawasan-kawasan yang dilawati adalah Klang Selatan, pusat bandar Klang Utara dan Pelabuhan Klang.

Turut sama dalam lawatan ini adalah wakil-wakil daripada Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Bangunan, Jabatan Taman dan Rekreasi serta Jabatan Kemasyarakatan MPK.




Foto hiasan

Imbauan Sambutan Ramadan dan Aidilfitri di Klang pada tahun 1875

Klang, 7 Mei 2021 – Pernahkah kita terlintas di fikiran untuk mengimbau kembali bagaimanakah suasana Ramadan dan sambutan Aidilfitri yang diadakan di Klang dan Kuala Lumpur pada akhir abad ke-19?

“Sambutan bulan puasa dan Hari Raya Puasa di Klang hampir 150 tahun lalu tidak seperti yang kita rasai hari ini,” ujar Faisal Surani, Kurator MPK, dalam satu pertemuan ringkas.

“Waktu itu tiada bazar Ramadan, lagu raya atau pusat membeli belah seperti hari ini,” tambah beliau lagi. Suasana selepas perang agak sunyi dan bilangan penduduk yang tidak ramai juga mengekang sambutan yang meriah,” katanya lagi.



Foto hiasan

Menurut beliau pada bulan Ramadan, bunyi tembakan meriam dari Kota Raja Mahadi di Klang dan Ibu Pejabat Polis di Bluff Road Hill (Bukit Aman) Kuala Lumpur menandakan waktu berbuka puasa.

“Pagi Raya pula selepas solat Aidilfitri sekitar jam 10 pagi, masyarakat Klang akan berduyun-duyun pergi berkumpul di kaki Bukit Kota Raja Mahadi bagi menyaksikan pelbagai acara sukan seperti lumba keldai, memanjat tiang berminyak, lawan bantal manakala sebahagian lagi akan berdiri di tebing Sungai Klang untuk menyaksikan acara lumba perahu dan menangkap itik,” ujar beliau.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Baru-baru ini timbul kisah tentang sebuah padang rekreasi terkenal di Klang dalam sebuah akhbar arus perdana selama beberapa hari. Warta Warisan bulan ini akan mengupas secara ringkas sejarah tempat berkenaan yang tidak diketahui ramai berdasarkan rekod-rekod yang sedia ada di Arkib Negara Malaysia, daripada pihak istana, pasukan polis dan catatan keluarga Dato' Kaya Klang.

Dalam usaha untuk membangunkan dan menghidupkan kembali suasana dan seni bina warisan di Jalan Raya Timur, Jabatan Bangunan MPK telah mengadakan satu sesi perbincangan dengan Kurator MPK bagi mendapatkan input sejarah dan warisan sekitar kawasan berkenaan. Beberapa cadangan telah dikemukakan dan antara langkah awal perlu dilakukan terlebih dahulu termasuk mendapatkan pandangan pemegang-pemegang amanah harta (stakeholders) kawasan berkenaan sebelum projek ini dengan kerja sama pihak Think City dapat dimulakan.

Bersempena dengan bulan Ramadan dan Syawal ini juga, Warta Warisan ingin membawa pembaca ke zaman silam dan mengimbau secara ringkas sambutan puasa dan Aidilfitri di Klang pada akhir abad ke-19 berdasarkan rekod sedia ada dan cerita-cerita lisan orang-orang tua di Klang.


Kepada para Muslimin dan Muslimat, Sidang Redaksi Warta Warisan mengucapkan Salam Aidilfitri serta mohon maaf lahir dan batin. Selamat Hari Wesak juga kepada penganut Buddha.

*Faisal bin Dato' Haji Surani
Kurator*



Foto hiasan

Kutub Khanah Kurator: Police Rifle Range (Padang Sasar Polis) Klang 1878 -1898



Awal bulan Mei menyaksikan sebuah padang rekreasi terkenal dan antara yang terawal di Klang siap dinaik taraf dan telah diperkenankan nama baru, Dataran Majlis Perbandaran Klang oleh Sultan Selangor pada 11 Mac 2021 lalu.

Padang yang terletak di atas tanah milik kerajaan bersebelahan Jalan Dato' Hamzah ini mempunyai kisah sejarah panjang yang menarik. Padang berkenaan asalnya adalah sebuah lurah semula jadi terselindung yang terletak di kaki Bukit Kota menghala ke bandar Klang.

Sebagai makluman, padang yang terletak di Lot 42 sebahagian besarnya adalah milik Kerajaan Selangor dan sebahagian lagi termasuk Jalan Dato' Hamzah adalah tanah milik Hajah Rugayah binti Dato' Kaya Muhammad Ali, isteri kepada Raja Mahadi bin Raja Sulaiman sejak tahun 1886.

Menurut cerita lisan keluarga Dato' Kaya Klang, kawasan ini dahulu adalah tempat Penghulu Tun Perak melatih pemuda-pemuda Klang dalam ilmu perang dan persilatan dalam usaha membantu Kesultanan Melayu Melaka menghadapi ancaman serangan tentera Siam serta menangani serangan dan rompakan timah oleh lanun-lanun dari Sumatera di Pengkalan Batu.



Setelah Perang Klang tamat pada tahun 1875, pasukan polis telah ditubuhkan dengan pengkalan pertama mereka di dalam Kota Raja Mahadi. Sesuai dengan tugasnya sebagai pasukan berseragam bersenjata api, pasukan polis memerlukan sebuah kawasan sebagai tempat latihan menembak. Keadaan semula jadi lurah berkenaan dan kedudukannya yang berhampiran dengan pangkalan polis Klang menyebabkan ia dipilih sebagai lapangan sasaran polis dan dikenali sebagai *Police Rifle Range Klang* sehingga tahun 1898 apabila tanah berkenaan diambil oleh Sultan Ala'eddin Suleiman Shah.



Latihan menembak di padang sasaran

Golongan Chettiar muncul di Klang pada lewat 1890-an telah membina kuil dan penempatan mereka berdekatan dengan padang ini dan menjalankan perniagaan peminjaman wang mereka. Mereka kerap memenuhi padang ini bersama kereta lembu mereka sejak ia tidak lagi digunakan polis sebagai padang sasaran sehingga padang ini dikaitkan dengan golongan berkenaan.

Bagi menjaga kepentingan mereka, *Selangor Nattukottai Chettiars' Association* telah ditubuhkan pada awal tahun 1930 dan seterusnya pada awal tahun 1931 ditubuhkan *Chettiars' Chamber of Commerce Selangor Branch*, keduanya beribu pejabat di Klang.



Foto hiasan


Kegiatan golongan Chettiar mula terjejas sejak Tentera Jepun mengambil alih pentadbiran negara ketika Perang Dunia Kedua dan semakin merosot selepas perang. Pengenalan Ordinan *Moneylenders Bill* pada 31 Mac 1952 telah menyebabkan ramai golongan Chettiar gulung tikar dan sebahagian besar mereka kembali ke Madras.



Padang ini kerap digunakan sebagai tempat latihan gimnastik dan pelbagai jenis sukan oleh murid-murid sekolah di sekitar bandar Klang


Antara tahun 1920 – 1930-an, beberapa sekolah baru seperti Sekolah Melayu Perempuan Klang dan Sekolah Jubilee Klang muncul di tengah bandar Klang. Kesempitan ruang menyebabkan sekolah-sekolah ini menjadikan padang ini sebagai tempat latihan serta acara sukan olahraga mereka.

Pada tahun 1970, padang ini telah diwartakan sebagai Padang Permainan (No. Warta 172/06.03.1970).



Surat tanah Hajah Rugayah binti Dato' Kaya Muhammad Ali pada tahun 1886 dalam simpanan cicit saudaranya, Faisal Surani, turut meliputi sebahagian padang berkenaan hari ini.

Selepas pembinaan Jambatan Kota pada tahun 1957, keluasan lot dan sempadan padang sasaran ini serta tanah Hajah Rugayah telah berubah menjadi semakin kecil. Jalan Kota (Jalan Dato' Hamzah sekarang) juga telah dialihkan di tengah-tengah tanah Hajah Rugayah, menyebabkan dua buah rumah banglo terpaksa dirobohkan, sehinggakan tanah Hajah Rugayah seolah-olah tidak lagi wujud.



Petunjuk:

- Garisan hijau – Police Rifle Range
- Garisan biru – Tanah milik Hajah Rugayah
- The Fort – Kota Raja Mahadi (MPK sekarang)
- Service Reservoir – Surau dan Klinik MPK sekarang

Padang ini terus menjadi pusat utama latihan dan pertandingan pelbagai jenis sukan seperti kriket, hoki, bola sepak, gimnastik dan olahraga sehinggalah tahun 1975 apabila Stadium Kota Raja dibuka dengan rasminya.

Pembukaan Kompleks Sukan Pandamaran yang moden, padang-padang rekreasi serta gimnasium di taman-taman perumahan baharu telah menyebabkan padang ini semakin sepi, walaupun padang ini diwartakan sebagai *Recreation Ground Reserve* pada Pelan Warta tahun 2001.

Perkembangan ekonomi yang pesat di Klang menyebabkan kemasukan ramai orang dari luar Klang. Perkara ini menjadi salah satu utama sebab mengapa ramai warga Klang pada hari ini tidak tahu sejarah sebenar padang ini sehingga timbul pelbagai pendapat dan ulasan yang tidak bersandarkan fakta tentang padang ini. Jika dilihat kenyataan beberapa individu di akhbar-akhbar baru-baru ini tentang padang ini, mereka sebenarnya hanya menceritakan kisah serta pengalaman mereka di padang ini dan bukannya tentang sejarah padang ini!

Maklumat ringkas tentang sejarah padang ini akan dipaparkan pada sebuah Panel Interpretasi, yang juga bakal menjadi Nodus Utama bagi Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang yang bakal diperkenalkan tidak lama lagi.